

**PERATURAN PEMARKAHAN
PERCUBAAN SPM TAHUN 2024
SEJARAH**

PP 1249/2

**Kertas 2
September
2 jam 30 minit**


UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT**.
Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

PERATURAN PERMARKAHAN SEJARAH K2
BAHAGIAN A: STRUKTUR

Soalan	Fakta	Perincian	Markah
Kesultanan Melayu Melaka mempunyai dua undang-undang yang berasaskan syariah dan hukum adat.			
Nyatakan dua undang-undang dalam Kesultanan Melayu Melaka?			
1 (a)	F1 F2	Hukum Kanun Melaka Undang-undang Laut Melaka <p style="text-align: right;">Mana-mana 2 x 1 markah</p>	1 1 [2m]
Jelaskan hukuman yang berkaitan dengan jenayah dalam Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka?			
1 (b)	F1 F2 F3 F4 F5	Hukum Kanun Melaka Perbuatan jenayah seperti membunuh / menikam / mencuri Fasal 5.1 – apabila seseorang didapati membunuh orang lain tanpa pengetahuan Raja / pembesar maka akan dihukum bunuh Fasal 4 – hukuman bunuh dikenakan kepada sesiapa yang ingkar arahan dan memalsukan titah sultan Undang-undang Laut Melaka Perbuatan jenayah seperti mencuri / membunuh / memberontak Fasal 5 – seseorang yang berkelakuan jahat / membunuh orang atas kapal dikenakan hukuman mati <p style="text-align: right;">Mana-mana 4 x 1 markah</p>	1 1 1 1 1 [4m]
Teliti pernyataan berikut.			
<div style="border: 1px solid black; padding: 10px; width: fit-content; margin: 0 auto;">Undang-undang menjamin kesejahteraan sesebuah negara</div>			
Berikan komen anda.			
1 (c)	M1 M2 M3 M4 M5 M6 M7	Dapat mengurangkan kadar jenayah Menjamin keselamatan negara Menjaga hak asasi rakyat Melaksanakan hukuman yang adil Menjamin ketaatan rakyat kepada pemerintah Membentuk masyarakat yang berdisiplin Membentuk sistem pentadbiran yang sistematik (Mana-mana jawapan munasabah) <p style="text-align: right;">Mana-mana 4 x 1 markah</p>	1 1 1 1 1 1 1 [4m]

Soalan	Fakta	Perincian	Markah
Gambar berikut merupakan bendera Parti Komunis Malaya.			
			
Apakah yang dimaksudkan dengan ideologi Komunis?.			
2 (a)	F1	Diasaskan oleh Karl Marx dan Friedrich Engels	1
	F2	Fahaman politik yang menjadikan ekonomi dan barang pengguna sebagai milik negara	1
	F3	Mewujudkan masyarakat tanpa kelas / persamaan taraf	1
Mana-mana 2 x 1 markah			[2m]
Terangkan bentuk ancaman Komunis di Tanah Melayu.			
2 (b)	F1	Melumpuhkan ekonomi	1
	F2	Mengganggu aktiviti harian	1
	F3	Merosakkan infrastruktur	1
	F4	Bertindak menyerang pasukan keselamatan	1
	F5	Bertindak menyerang pekerja	1
	F6	Mengancam keselamatan rakyat	1
Mana-mana 4 x 1 markah			[4m]
Undang-undang Darurat wajar dilaksanakan bagi menangani ancaman Komunis kepada negara. Berikan hujah anda.			
2 (c)		Wajar	
	M1	Mengekang penyebaran fahaman komunis	1
	M2	Melindungi orang awam	1
	M3	Memutuskan bantuan kepada komunis	1
	M4	Melindungi ekonomi negara	1
	M5	Memastikan keselamatan negara terjamin	1
	M6	Mempercepatkan kemerdekaan Tanah Melayu	1
	M7	Mengatasi masalah ketegangan antara kaum	1
(Mana-mana jawapan yang berkaitan)			1
Mana-mana 4 x 1 markah			[4m]

Soalan	Fakta	Butiran Jawapan	Markah
Nyatakan dua kandungan yang terdapat dalam Senarai Persekutuan			
3 (a)	F1	Hal ehwal luar negeri	1
	F2	Pertahanan	1
	F3	Keselamatan dalam negeri	1
	F4	Pentadbiran keadilan	1
	F5	Kewarganegaraan	1
	F6	Kewangan.	1
	F7	Perhubungan dan pengangkutan	1
	F8	Pelajaran	1
	F9	Perubatan dan kesihatan	1
Mana-mana 2 x 1 markah			[2m]
Mengapakah pembahagian kuasa tersebut dilaksanakan?.			
3 (b)	F1	Memberi peruntukan kuasa yang khusus antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri	1
	F2	Meliputi kuasa perundangan dan kuasa pemerintahan	1
	F3	Melicinkan perjalanan sistem Persekutuan	1
	F4	Mengelakkan permasalahan antara kedua-dua peringkat kerajaan	1
	F5	Peruntukan kuasa lebih besar pada peringkat Persekutuan	1
	F6	Bagi mewujudkan Kerajaan Persekutuan yang kuat	1
	F7	Menjamin kestabilan dan keamanan negara	1
	F8	Tiada peruntukan kuasa khusus kepada Kerajaan Tempatan	1
	F9	Kerajaan Tempatan diletakkan di bawah kuasa Kerajaan Negeri	1
Mana-mana 4 x 1 markah			[4m]
Sistem Persekutuan dapat menjamin kedaulatan dan kestabilan negara kita. Bincangkan.			
3 (c)	M1	Perlembagaan Persekutuan memastikan hak dan tanggungjawab rakyat	1
	M2	Menetapkan sistem pemerintahan yang adil dan saksama	1
	M3	Memastikan bahawa setiap peringkat kerajaan mempunyai tanggungjawab dan kuasa yang jelas	1
	M4	Mengurangkan risiko penyalahgunaan kuasa	1
	M5	Meningkatkan kecekapan pentadbiran	1
	M6	Memastikan bahawa usaha pembangunan dapat memberikan manfaat kepada rakyat di semua peringkat	1
	M7	Memastikan kestabilan politik dan ekonomi negara	1
	M8	Memberi perlindungan hak asasi manusia, kebebasan beragama, dan hak untuk bersuara	1
	M9	Bertanggungjawab untuk menjaga keselamatan negara dan mempertahankan kedaulatan Malaysia (Mana-mana jawapan munasabah)	1
Mana-mana 4 x 1 markah			[4m]

Soalan	Fakta	Butiran Jawapan	Markah
<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin: 0 auto; width: 80%;"> Malaysia menghadapi pelbagai cabaran selepas pembentukan Malaysia pada tahun 1963. </div>			
Nyatakan dua cabaran pembangunan dan sosioekonomi di Sarawak dan Sabah.			
4 (a)	F1 F2 F3	Mempelbagaikan kegiatan ekonomi Memajukan sistem perhubungan dan pengangkutan Memajukan sistem pendidikan Mana-mana 2 x 1 markah	1 1 1 [2m]
Krisis perlembagaan yang menyebabkan ketidakstabilan politik telah mengancam keselamatan dan keamanan di Sarawak. Jelaskan.			
4 (b)	F1 F2 F3 F4 F5 F6 F7 F8	21 orang ahli Council Negeri tidak berpuas hati Kepimpinan Stephen Kalong Ningkan sebagai Ketua Menteri Sarawak Dipecat oleh Gabenor pada Jun 1966 Stephen mencabar tindakan ini di Mahkamah Tinggi Sarawak Beliau memenangi kes pada September 1966 Namun mendapat undi tidak percaya Darurat diisytiharkan di Sarawak pada September 1966 Stephen digantikan dengan Tawi Sli Mana-mana 4 x 1 markah	1 1 1 1 1 1 1 1 [4m]
Pemimpin yang berwibawa mampu menyelesaikan konflik secara rundingan. Beri komen anda.			
4 (c)	M1 M2 M3 M4 M5 M6 M7 M8	Mendapat keputusan secara sebulat suara / kolektif Mengelakkan krisis berlarutan / berpanjangan Keputusan yang diperolehi tidak dipertikaian Menjadi pengantara dalam menyelesaikan sesuatu pertikaian Bersifat adil dan tidak berat sebelah Elak sifat pilih kasih Mengelakkan permusuhan Merapatkan hubungan antara masyarakat (Mana-mana jawapan munasabah) Mana-mana 4 x 1 markah	1 1 1 1 1 1 1 1 [4m]

PERATURAN PERMARKAHAN SEJARAH K2
BAHAGIAN B: ESEI

Soalan	Fakta	Butiran Jawapan	Markah
Perkembangan idea nasionalisme di Barat telah mempengaruhi kebangkitan nasionalisme di Asia dan Asia Tenggara termasuklah di negara kita.			
Apakah yang anda faham tentang nasionalisme?.			
5 (a)	F1	Perasaan cinta yang mendalam terhadap bangsa dan negara	1
	F2	Semangat kebangsaan	1
	F3	Perjuangan menentang penjajahan	1
	F4	Pembelaan terhadap bangsa dan negara	1
	F5	Gerakan untuk mencapai kebebasan politik, ekonomi dan sosial daripada penguasaan orang asing	1
	F6	Idea nasionalisme berkait rapat dengan pengalaman sejarah dan pengaruh sekeliling	1
	C6	Seperti keturunan, agama, bahasa dan adat resam	1
[Mana-mana 4 x 1m]			[4m]
Bagaimanakah gerakan nasionalisme antiraja berlaku di England dan Perancis?			
5 (b)	Revolusi Keagungan di England (1688)		
	F1	Juga dikenali sebagai Revolusi Glorious	1
	H1	Berlaku pada abad ke-17	1
	F2	Raja James II digulingkan dari takhta tanpa pertumpahan darah	1
	H2a	Melarikan diri ke Perancis	1
	H2b	Keinginan untuk menegakkan kedaulatan parlimen dan hak asasi rakyat	1
	H2c	Ahli parlimen memberontak terhadap pemerintahan raja berkuasa mutlak	1
	F3	Konsep kedaulatan parlimen diperkuatkan	1
	H3a	Sistem Raja Berperlembagaan dimantapkan	1
	H3b	Semasa pemerintahan Mary II dan Raja William of Orange	1
	F4	Bill of Rights digubal semula	1
	H4	Memberi keutamaan kepada parlimen untuk menggubal undang-undang dan mengutip cukai	1
	Revolusi Perancis (1789)		
	F5	Bermula daripada pemikir Perancis	1
	C5	seperti Jean Jacques Rousseau dan Voltaire	1
	H5	Memperjuangkan kebebasan, persamaan, dan persaudaraan	1
	F7	Rousseau menekankan bahawa suara rakyat / hasrat umum lebih penting daripada institusi raja dan birokrasi	1
	H7a	Berdasarkan penulisan 'The Social Contract'	1
	F8	Raja Louis XVI memerintah secara autokratik	1
	H8a	Golongan bangsawan memonopoli keistimewaan	1
H8b	Rakyat dibebani cukai	1	
F9	Revolusi ini mencetuskan penggulingan kerajaan Raja Louis XVI	1	
H9a	Menggempur penjara Bastille	1	
H9b	Membebaskan tahanan politik	1	
F10	Revolusi Perancis melahirkan Republik Perancis	1	
H10	dan mengakhiri sistem pemerintahan beraja di Perancis	1	
[Mana-mana 8 x 1m]			[8m]

Soalan	Fakta	Butiran Jawapan	Markah
Baca petikan di bawah.			
<p>Bagi mengembalikan semangat patriotisme, sejarah dan sivik mesti dijadikan landasan kerana melaluinya manusia semasa dapat mempelajari segala liku-liku yang terpaksa ditempuhi oleh generasi sebelumnya untuk mewariskan sebuah kehidupan bagi generasi berikutnya. Pengorbanan tokoh-tokoh zaman silam mestilah dikenang dengan sebaik-baiknya kerana mereka merupakan sejarah perjuangan gemilang untuk memartabatkan patriotisme negara"</p> <p style="text-align: center;">Sumber : https://www.sinarharian.com.my/Patriotisme_Bukan_Sekadar_Semangat</p>			
Huraikan maklumat yang terkandung dalam petikan di atas dan jelaskan kesan sekiranya perkara tersebut diabaikan oleh masyarakat masa kini?			
5 (c)	F1 F2 F3 F4 F5 K1 K2 K3 K4 K5 K6 K7 K8	<p>Maklumat yang terkandung dalam petikan:</p> <p>Sejarah dan sivik mesti dijadikan landasan bagi mengembalikan semangat patriotisme</p> <p>Mempelajari segala liku-liku yang terpaksa ditempuhi oleh generasi sebelumnya</p> <p>Untuk mewariskan sebuah kehidupan bagi generasi berikutnya</p> <p>Pengorbanan tokoh-tokoh zaman silam mestilah dikenang dengan sebaik-baiknya</p> <p>Merupakan sejarah perjuangan gemilang untuk memartabatkan patriotisme negara</p> <p>Kesan jika nilai patriotisme diabaikan</p> <p>Kehilangan semangat kewarganegaraan</p> <p>Masyarakat mungkin kehilangan rasa tanggungjawab terhadap negara</p> <p>Masyarakat tidak mengambil bahagian dalam pembinaan negara</p> <p>Individu mungkin kehilangan identiti nasional</p> <p>Hilang semangat untuk memperjuangkan kebaikan bersama</p> <p>Warganegara yang tidak peduli terhadap sejarah dan patriotisme</p> <p>Boleh menyebabkan ketegangan antara kumpulan etnik atau budaya</p> <p>Golongan muda mungkin kurang peka terhadap isu-isu politik dan hak-hak warganegara</p> <p>(Mana-mana jawapan yang berkaitan)</p> <p style="text-align: right;">Mana-mana 8 x 1 markah</p>	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [8m]

Soalan	Fakta	Butiran Jawapan	Markah
Persekutuan Tanah Melayu 1948 diperkenalkan oleh British untuk menggantikan Malayan Union. Jelaskan faktor yang mencetuskan pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948.			
6 (a)	F1	Penentangan Orang Melayu terhadap Malayan Union	1
	H1a	Orang Melayu / Raja-raja Melayu / Cendekiawan Melayu / UMNO menolak Malayan Union	1
	F2	Cadangan Raja-raja Melayu dan UMNO	1
	H2a	Persekutuan bertaraf naungan	1
	H2b	Bukan tanah jajahan	1
	H2c	Pesuruhjaya Tinggi menggantikan Gabenor	1
	H2d	Raja berkuasa dalam perundangan	1
	H2e	Perkataan Negeri-Negeri Melayu perlu ada dalam persekutuan yang baru	1
	H2d	Sultan Perak / Raja-raja Melayu / mendesak British menerima PTM 1948	1
	F3	Sokongan pentadbir British	1
	H3a	Pegawai tinggi British / Edward Gent / Malcolm Mac Donald / Ralph Hone / Gammans	1
	H3b	Sir Ralph Hone mencadangkan Raja-raja Melayu terlibat dalam pentadbiran berasaskan perlembagaan	1
	C2	Contohnya Majlis Negeri / Majlis Persekutuan	1
	H3c	Dato' Onn / Raja-raja Melayu memberikan cadangan balas	1
	H3d	Memastikan politik yang stabil	1
	H3e	Pelaksanaan dekolonisasi	1
	H3f	Berasaskan Piagam Atlantik	1
		(Mana-mana jawapan yang betul)	1
		Mana-mana 4 x 1 markah	[4m]
Kewarganegaraan secara kuat kuasa undang-undang dalam PTM 1948 menggantikan kewarganegaraan Jus soli Malayan Union 1946. Jelaskan.			
6 (b)	H1	Kewarganegaraan secara kuat kuasa undang-undang Jus soli hanya terbuka kepada rakyat raja / orang Melayu / orang Asli / yang tinggal di negeri-negeri Melayu / yang mempunyai sultan	1
	H2	Rakyat British / orang yang lahir di Melaka / Pulau Pinang	1
	H3	Pemohon yang lahir di luar negeri, ayahnya mestilah rakyat raja dan;	1
	H4	rakyat British	1
	H5	Penduduk asal dari negeri Melayu yang lahir sebelum / semasa / selepas tarikh PTM 1948	1
	H6	Rakyat Raja yang telah memahami adat resam / bertutur bahasa setempat boleh memohon melalui undang-undang yang dikuatkuasakan	1
		Kewarganegaraan secara pendaftaran	
	H7	Sesiapa yang lahir dalam Persekutuan Tanah Melayu dan bermastautin selama 15 tahun daripada tempoh 20 tahun dari hari permohonannya	1
	H8	Mempunyai tingkah laku yang baik / tiada rekod jenayah	1
	H9	menguasai bahasa Melayu dan bahasa Inggeris	1
	H10	serta taat setia kepada Persekutuan Tanah Melayu	1
		Mana-mana 8 x 1 markah	[8m]

Soalan	Fakta	Butiran Jawapan	Markah
Mengapakah orang Melayu menolak Malayan Union 1946 tetapi boleh menerima Persekutuan Tanah Melayu 1948?			
6 (c)		<p>Orang Melayu menolak Malayan Union 1946</p> <p>H1 Raja-raja Melayu hilang kuasa H2 Kedudukan Raja-raja Melayu tergugat H3 Hanya berkuasa dalam agama Islam H4 Berkuasa dalam adat istiadat Melayu Sahaja H5 Menggugat kedaulatan Raja-raja Melayu / maruah orang Melayu H6 Menentang dasar kewarganegaraan yang sangat longgar H7 Bimbang penguasaan politik orang Melayu terancam H8 Orang Melayu masih ketinggalan dalam ekonomi H9 Malayan Union melemahkan / mengurangkan kuasa autonomi kerajaan negeri</p> <p>Orang Melayu menerima Persekutuan Tanah Melayu 1948</p> <p>H10 Kedudukan / maruah Raja-raja dipulihkan H11 Status quo / ketuanan orang Melayu dikembalikan H12 Jus soli / kewarganegaraan diperketatkan H13 Pembahagian kuasa antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri H14 Senarai Negeri / Senarai Persekutuan / Senarai Bersama H15 Orang Melayu / pemimpin Melayu / Raja-raja Melayu tidak diketepikan dalam rundingan (Mana-mana jawapan yang berkaitan)</p> <p style="text-align: right;">Mana-mana 8 x 1 markah</p>	<p>1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1</p> <p>[8m]</p>

Soalan	Fakta	Butiran Jawapan	Markah
Maklumat berikut berkaitan dengan kewujudan sistem Raja Berperlembagaan di negara kita.			
<p>Maka hendaklah ada seorang Ketua Utama Negara bagi Persekutuan, digelar Yang di-Pertuan Agong, yang hendaklah diberi keutamaan daripada segala orang di dalam Persekutuan.</p> <p style="text-align: right;">Sumber: http://www.istananegara.gov.my</p>			
Jelaskan latar belakang institusi Yang di-Pertuan Agong di Malaysia.			
7 (a)	F1	Wujud selepas negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957	1
	F2	Dipilih daripada kalangan raja yang memerintah di sembilan buah negeri	1
	F3	Perlis / Kedah / Perak / Selangor / Negeri Sembilan / Johor / Pahang	1
	F4	Pemilihan dilaksanakan oleh Majlis Raja-raja	1
	F5	Menurut kaedah yang ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan dan peraturan-peraturan Majlis Raja-raja	1
	F6	Turut diperkenalkan jawatan Timbalan Yang di-Pertuan Agong berdasarkan perlembagaan Persekutuan.	1
Mana-mana 4 x 1 markah			[4m]
Terangkan bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong mengikut Perlembagaan Malaysia dari aspek:			
i) Bidang Eksekutif			
7 (b)(i)	F1	Yang di-Pertuan Agong bertindak mengikut nasihat Jemaah Menteri	1
	F2	Melantik Perdana Menteri dan Jemaah Menteri	1
	F3	Yang di-Pertuan Agong melantik seorang Ahli Dewan Rakyat	1
	F4	Melantik Menteri-menteri / Timbalan-timbalan Menteri daripada Ahli Dewan Rakyat atau Dewan Negara.	1
	F5	Pelantikan Jawatan Penting	1
	F6	Yang di-Pertuan Agong melantik Peguam Negara / Panglima Angkatan Tentera / Ketua Audit Negara.	1
	F7	Baginda juga melantik Ahli Suruhanjaya Pilihan Raya / Ahli Suruhanjaya Polis / sejumlah ahli dalam Majlis Angkatan Tentera.	1
	F8	Ketenteraan	1
	F9	Pemerintah tertinggi seluruh Angkatan Tentera Malaysia.	1
	F10	Dibantu oleh Majlis Angkatan Tentera bagi pemerintahan, tata tertib dan pentadbiran angkatan tentera / perkara yang bersangkutan dengan gerakan tentera.	1
	F11		1
	F12	Diplomatik	1
	F13	Melantik diplomat Malaysia ke luar negara	1
	F14	Menerima menghadap diplomat asing.	1
Mana-mana 4 x 1 markah			[4m]

Soalan	Fakta	Butiran Jawapan	Markah
Terangkan bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong mengikut Perlembagaan Malaysia dari aspek: ii) Bidang Kehakiman			
7 (b)(ii)	F1 F2 F3 F4 F5 F6 F7 F8	<p>Kuasa Kehakiman</p> <p>melantik hakim Mahkamah Atasan atas nasihat Perdana Menteri</p> <p>Kuasa Pengampunan</p> <p>Memberi pengampunan dalam hal jenayah di Wilayah Persekutuan</p> <p>Seseorang yang sudah dihukum boleh memohon keampunan daripada Yang di-Pertuan Agong</p> <p>Bertindak atas nasihat Lembaga Pengampunan</p> <p>Baginda berkuasa mengampunkan / menangguhkan / meringankan hukuman Yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tentera / Mahkamah Syariah di Melaka, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan.</p> <p style="text-align: right;">Mana-mana 4 x 1 markah</p>	1 1 1 1 1 1 1 1 [4m]

Soalan	Fakta	Butiran Jawapan	Markah
<p>Yang di-Pertuan Agong dijadikan sebagai Ketua atau Kepala Utama Negara atas perkenan Majlis Raja-Raja dianggotai Raja-raja Melayu. Perkara 32 Perlembagaan menyatakan sedemikian. Walaupun Yang di-Pertua Negeri adalah ahli Majlis Raja-Raja, namun tidak terbabit dalam urusan pemilihan dan pengisytiharan Yang di-Pertuan Agong.</p> <p>Institusi Yang di-Pertuan Agong adalah institusi unik dan disandang secara penggiliran. Untuk bersemayam di atas takhta Yang di-Pertuan Agong pada pusingan pertama, seorang Sultan paling kanan dari segi lama baginda bersemayam di atas tampuk pemerintahan negeri bersetuju dan diperkenan Majlis Raja-Raja sebagai sesuai menjadi Yang di-Pertuan Agong.</p> <p>Pada pusingan kedua dan seterusnya, sistem penggiliran tertakluk kepada urutan penggiliran pada pusingan pertama. Sistem berlangsung seperti ini sekiranya diperkenan Majlis Raja-Raja kepada seorang Sultan untuk menjadi Yang di-Pertuan Agong.</p> <p>Sumber: https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2024/01/1206518/sistem-beraja-malaysia-pemangkin-keutuhan-negara-keharmonian</p>			
<p>Jelaskan maklumat yang terdapat dalam petikan dan mengapakah pemerintahan beraja wajar dipertahankan oleh rakyat Malaysia.</p>			
7 (c)		<p>Aras 4 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti / contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan sangat mendalam / terperinci Komunikasi / pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan</p> <p>Contoh: - <i>Pelindung kepada seluruh rakyat Malaysia</i> - <i>Kuasa tertinggi yang melindungi hak keistimewaan orang Melayu dan bumiputera di Sarawak dan Sabah.</i> - <i>Menjadi lambang perpaduan</i> - <i>Lambang kesetiaan rakyat kepada negara</i> - <i>Ketua negara Malaysia</i> - <i>Mengetuai agama Islam</i> - <i>Telah diamalkan sejak Kesultanan Melayu Melaka</i> - <i>Warisan sistem politik tradisional Melayu</i></p> <p>[7 – 8 Markah]</p>	

Soalan	Fakta	Butiran Jawapan	Markah
7 (c)		<p>Aras 3 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti / contoh yang sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam Komunikasi / pengolahan menarik</p> <p>Contoh: - <i>Pelindung kepada seluruh rakyat Malaysia</i> - <i>Kuasa tertinggi yang melindungi hak keistimewaan orang Melayu dan bumiputera di Sarawak dan Sabah.</i> - <i>Menjadi lambang perpaduan</i> - <i>Lambang kesetiaan rakyat kepada negara</i> - <i>Telah diamalkan sejak Kesultanan Melayu Melaka</i> - <i>Warisan sistem politik tradisional Melayu</i> [6 – 5 makah]</p> <p>Aras 2 Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah secara ringkas</p> <p>Contoh: - <i>Pelindung kepada seluruh rakyat Malaysia</i> - <i>Kuasa tertinggi yang melindungi hak keistimewaan orang Melayu dan bumiputera di Sarawak dan Sabah.</i> - <i>Menjadi lambang perpaduan</i> - <i>Lambang kesetiaan rakyat kepada negara</i> [3 – 4 markah]</p> <p>Aras 1 Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan secara umum</p> <p>Contoh: - <i>Menghormati Keluhuran Perlembagaan</i> - <i>Sentiasa mematuhi undang-undang negara</i> [2 – 1 markah]</p> <p>(Mana-mana jawapan yang berkaitan)</p> <p style="text-align: right;">Mana-mana 8 x 1 markah</p>	

Soalan	Fakta	Butiran Jawapan	Markah
<p>DEB yang berakhir pada tahun 1990 telah membantu ekonomi Malaysia berkembang dengan pesatnya. Usaha yang dilaksanakan melalui DEB diteruskan oleh DPN.</p> <p>Jelaskan latar belakang Dasar Pembangunan Nasional (DPN).</p>			
8 (a)	F1	DPN dilancarkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad	1
	F2	Perdana Menteri Malaysia keempat	1
	F3	Pada 17 Jun 1991	1
	F4	DPN merupakan kesinambungan DEB	1
	F5	Tempoh 10 tahun (1991-2000)	1
	F6	Terkandung dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2)	1
	F7	Usaha menjadikan Malaysia menjadi negara maju	1
	F8	Selaras wawasan 2020	1
Mana-mana 4 x 1 markah			[4m]
<p>Dasar Pembangunan Nasional (DPN) menggunakan beberapa strategi dalam usaha mencapai matlamat membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.</p> <p>Terangkan strategi berkenaan.</p>			
8 (b)	F1	Ekonomi	1
	H1	Pelibatan aktif pihak swasta dalam pembangunan	1
	H2	Melaksanakan program penanaman semula	1
	H3	Penggunaan sains dan teknologi	1
	H4	Meningkatkan pemilikan saham bumiputera	1
	F2	Sosial	1
	H1	Memberi insentif/kemudahan pendidikan	1
	H2	kepada masyarakat miskin tanpa mengira kaum	1
	H3	Mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera	1
	H4	Membentuk masyarakat berdisiplin dan progresif	1
	F3	Kemudahan Fizikal dan Alam Sekitar	1
	H1	Menyedia dan menambah baik kemudahan asas	1
	H2	Pembangunan mampan	1
H3	tanpa mengabaikan alam sekitar	1	
Mana-mana 8 x 1 markah			[8m]

Soalan	Fakta	Butiran Jawapan	Markah
Baca petikan di bawah.			
<p>“Matlamat DPN adalah untuk mencapai perpaduan negara melalui pengagihan kekayaan. Matlamat ini dapat dicapai sekiranya pembangunan seimbang antara negeri dan antara bandar dengan luar bandar dapat dilakukan. Matlamat DPN dilaksanakan melalui Rancangan Malaysia keenam dan Rancangan Malaysia ketujuh. Objektif DPN pula adalah untuk mewujudkan masyarakat yang bersatu padu dengan memperkukuh kestabilan sosial dan politik serta mengekalkan pembangunan ekonomi yang berterusan. DPN mensasarkan Malaysia mencapai taraf negara maju, kestabilan politik yang berterusan, mencapai kecekapan pentadbiran dan kecemerlangan ekonomi.”</p>			
Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan di atas dan kesan sekiranya matlamat DPN tidak dicapai.			
8 (c)		<p>Maklumat yang terkandung dalam petikan:</p> <p>M1 Matlamat DPN untuk mencapai perpaduan negara</p> <p>M2 Melalui pengagihan kekayaan</p> <p>M3 Matlamat dapat dicapai jika berlaku pembangunan seimbang antara negeri dan antara bandar dengan luar bandar</p> <p>M4 Matlamat DPN terkandung dalam Rancangan Malaysia keenam dan Rancangan Malaysia ketujuh</p> <p>M5 Objektif DPN untuk mewujudkan masyarakat bersatu padu</p> <p>M6 dengan cara memperkukuh kestabilan sosial dan politik</p> <p>M7 mengekalkan pembangunan ekonomi yang berterusan</p> <p>M8 DPN mensasarkan Malaysia mencapai negara maju</p> <p>M9 kestabilan politik</p> <p>M10 kecekapan pentadbiran</p> <p>M11 kecemerlangan ekonomi</p> <p>Kesan sekiranya matlamat DPN tidak dicapai:</p> <p>K1 Perpaduan negara akan tergugat</p> <p>K2 Taraf hidup rakyat tidak meningkat</p> <p>K3 Kestabilan politik tergugat</p> <p>K4 Pembangunan negara terbantut</p> <p>K5 Negara tidak maju</p> <p>K6 Pentadbiran tidak cekap</p> <p>K7 Ekonomi tidak berkembang (Mana-mana jawapan yang berkaitan)</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>
Mana-mana 8 x 1 markah			[8m]

Soalan	Fakta	Butiran Jawapan	Markah
Pada pendapat anda, mengapakah Malaysia perlu menjalinkan hubungan diplomatik dalam pertubuhan Komanwel.			
9 (c)	F1	Menarik pelabur asing melabur	1
	F2	Meningkatkan perdagangan antarabangsa	1
	F3	Memajukan ekonomi negara	1
	F4	Meluaskan pasaran	1
	F5	Menggiatkan aktiviti pelancongan	1
	F6	Menggalakkan pertukaran teknologi	1
	F7	Menggalakkan pertukaran budaya	1
	F8	Mengadakan pertukaran pelajar	1
	F9	Kerjasama pendidikan	1
	F10	Menjamin kedaulatan negara	1
	F11	Meningkat imej negara	1
		(Mana-mana jawapan yang berkaitan)	1
		Mana-mana 8 x 1 markah	[8m]

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT